



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) (221902)** yang masih sah tempoh sah lakunya.

TAJUK SEBUT HARGA : PELUPUSAN PERALATAN / KOMPONEN ASET
TAK ALIH KERAJAAN DENGAN KAEDAH
JUALAN SISA SIRI 1/2023

TARIKH IKLAN : 1 Disember 2023

LAWATAN TAPAK : 6 Disember 2023 (10.00 pagi)

**TEMPOH PENGAMBILAN
DOKUMEN** : 6 Disember 2023 hingga 7 Disember 2023

LOKASI : Tapak Simpanan Barang Lusuh
MST ENGINEERING GLOBAL SDN BHD
Jalan Damai Mewah 1
Taman Damai Mewah
43000 Kajang, Selangor
(Latitude ;2.986481, Longitude ;101.809213)

**TARIKH TUTUP SEBUT
HARGA** : 13 Disember 2023 (sebelum 12.00 tengahari)

2. Kehadiran ke taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai sebut harga ini. Dokumen Sebut Harga Pelupusan Aset Tak Alih boleh diperolehi di Bahagian Pengurusan Tanah, JPP atau semasa sesi lawatan tapak dengan membawa Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan). Sila bawa bersama cop syarikat semasa lawatan tapak berkenaan. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi sebut harga tempatan bermula dari tarikh sebut harga ditutup.

3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Sebut Harga **NRECC/JPP/ATA/2023/02** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 1** di alamat berikut:

**(SEBUT HARGA PELUPUSAN PERALATAN/KOMPONEN ASET TAK ALIH KERAJAAN)
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

Aras 3, Blok B Suasana PjH
No. 2 Jalan Tun Abd Razak, Presint 2
62100 PUTRAJAYA

4. Setiap tawaran hendaklah disertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran** bagi setiap aset atau tertakluk kepada **maksimum RM5,000**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Draf Bank /Jaminan Bank atas nama **Akauntan Negara Malaysia**. Setiap syarikat dikehendaki membawa sijil-sijil pendaftaran asal yang berkenaan dan mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran tersebut kepada wakil JPP. **Hanya penama di dalam Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.**
5. Bagi peyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit sebut harga akan dikembalikan. Syarikat dikehendaki melengkapkan Borang Daftar Data Induk Pelanggan Aset bagi melancarkan proses pengembalian wang deposit kelak.



WAN NIHAYAH BINTI WAN HUSSIN
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Tanah
Sektor Perancangan & Pembangunan
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim